

Tuhan lebih
besar dari
segalanya:
Cukuplah apa
yang aku
perkatakan ini.

- Santo Patrick

Seolah-olah sudah menjadi satu tugas untuk kita meluangkan masa untuk Yesus di masa kini. Ia bagaikan beban dimana kita lebih suka tidak melakukan, jika boleh. Ada di antara kita yang mungkin mendakwa bahawa kita telah melakukan melaksanakan tanggungjawab Katolik kita dengan menghadiri Misa Kudus pada hari Ahad. Sudah tentu Tuhan tidak mengharapkan lebih daripada itu kan? Seperti Pilatus yang bertanya kepada Yesus, "Adakah kamu Raja orang Yahudi?" Dengan berbuat demikian, dia memisahkan dunianya dengan dunia orang Yahudi; masalah mereka bukan menjadi masalahnya, Tuhan mereka bukan menjadi Tuhannya. Begitu juga, mungkin kita juga "memisahkan" diri kita daripada Yesus apabila kita mendakwa bahawa kita tidak mempunyai masa untuk Yesus.

Seperti persembahan kurang sempurna yang diberikan Kain kepada Tuhan, kita juga berkemungkinan memberikan persembahan yang "kurang sempurna" di dalam hubungan kita dengan Yesus. Yesus bukan hanya Raja orang Yahudi. Dia adalah Raja kita. Dia adalah Tuhan kehidupan kita - kejadian dan kewujudan kita. Segala sesuatu yang kita lakukan dan kita rasakan harus dipersembahkan kepada Yesus Kristus, kerana pada akhirnya kehidupan kita adalah milik-Nya. Yesus, Raja dan saudara kita, sangat memahami kita dan berkongsi segala kesakitan dan kegembiraan dengan kita. Dia adalah Raja paling istimewa yang mengasihi kita dan memberikan hidup-Nya untuk kita. Oleh itu, marilah bertanya kepada diri sendiri, "Di dalam hubungan kita dengan Yesus, apakah kita membuat pilhan dengan bijak? Adakah kita terus mengekalkan kehidupan kita yang lama seperti Kain? Adakah kita 'memisahkan' hidup kita daripada Yesus seperti Pilatus? Atau adakah kita mengakui bahawa Yesus adalah Raja kita dan justeru Dia berkuasa ke atas seluruh hidup kita? **Adakah Yesus Kristus benar-benar menjadi RAJA untuk kamu dan saya?** †

Perkataan
mingguan

Adakah Yesus
Kristus benar-benar
menjadi RAJA untuk
kamu dan saya?

Newtbec

25 NOVEMBER 2018

NEW WAY OF BEING CHURCH

Perayaan Kristus Raja

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**PANGGILAN HIDUP SUCI
DI DALAM KRISTUS**

Memilih Dengan BIJAK

Beberapa kali kita mendengar orang mengatakan bahawa ramai orang tidak mempunyai masa untuk berkumpul sebagai satu KED atau kehidupan mereka terlalu sibuk atau kepentingan Gereja hadir hanya selepas keluarga. Samaada kita mengakuinya atau tidak, ini adalah situasi normal pada masa kini. Mari kita bertanyakan kepada diri kita, jika kita benar-benar cintakan iman kita, berapa banyak masa yang kita luangkan di dalam sehari untuk merenung melalui iman ini? Adakah Kristus Raja di dalam hidup kita, atau adakah kita menjadi raja dengan sendirinya?





GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison
 Pembantu Paderi Pembantu : Fr. Xavier Andrew

PERMURIDAN: MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan: Sebuah Panggilan kepada Kesucian dalam Kristus
 (November) 2018

*Kearah 170 tahun Paroki Visitation
 (1848 - 2018)*

PARISH OFFICE HOURS

Isnin - Ahad
 8.30am - 5.30 pm
 Sabtu : 8.30am - 7.30 pm
 Ahad: 8.30 am - 3.00 pm
 Pengakuan di Gereja boleh dibuat ½
Jam sebelum semua Misa mengikut kehadiran Paderi



PROGRAM MINGGU INI 24 NOVEMBER - 02 DISEMBER 2018

HR Tuhan Kita Yesus Kristus Raja Semesta Alam : Dan 7, 13-14 Mzm 93, 1ab, 1c 2-5 Why 1, 5-8 Yoh 18, 33b - 37
"Tuhan Rajaku, agunglah nama-Mu, Alam raya dan makhluk-Mu kagum memandang-Mu" (Mzm 93)

Sab	24	5.00 pm 6.00 pm	Rosari / Novena / Benediction Mlsa (E) (Animation : Altar Servers)	
Ahd	25	7.00 am 9.00 am 11.00 am 1.00 pm	Mlsa (T) (Animation : RE-Teachers) Mlsa (E) (Animation : RE - Form 4) Mlsa (C) 4.30 pm : Titi (M) Mlsa (BM) 6.00pm : Kg Sebir (BM)	Tiada Kelas Minggu. (Cuti Sekolah) RCIA (T) 9.00 -10.30 am ; RCIA (BM) 11.00 am -12.30pm RCIA (E) 11.00 -12.30pm ; RCIA(M) : 8.45 -10.15 am Komuni Suci Pertama dengan 58 Penerima di setiap Misa.
Isn	26	6.00 pm	Mlsa	7.00 pm : Visitation Advent Penitential (Confession)
Sel	27	6.45 am	Mlsa	Karismatik (C) 7.30 pm di Dewan Visitationl. Semua adalah dijemput untuk memuji Tuhan.
Rab	28	6.45 am	Mlsa	8.00 pm : BECCOT Gathering - All Zones and BECs are to attend
Kha	29	6.45 am	Mlsa	Karismatik (T) 7.30 pm di Dewan Visitationl. Semua adalah dijemput untuk memuji Tuhan.
Jm	30	6.45 am	Mlsa	9.00 pm : Streets Feeding - Memanggil semua kaum belia untuk turut serta membantu.

Hari Minggu Adven 1 (Tahun C) : Yer 33:14-16 Mzm 25: 4-5, 8-9, 10, 14 1 Tes 3 : 12-4 : 2 Luk 21: 25-28/, 33-36
"Kepada-Mu, ya Tuhan, kuangkat jiwaku." (Mzm 25)

Sab	01 Dis	5.00 pm 6.00 pm	Rosary / Novena / Benediction Mlsa (E) (Animation : St, Michael)	8.30 am - 5 pm : Communitarian Spirituality Experience 6 pm Mass : RCIA (E) Rite of Acceptance into order of Catechumen
Ahd	02 Dis	7.00 am 9.00 am 11.00 am 1.00 pm	Mlsa (T) (Animation : RE-Teachers) Mlsa (E) (Animation : St. John Bosco) Mlsa (C) Mlsa (BM)	Tiada Kelas Minggu. (Cuti Sekolah) RCIA (T) 9.00 -10.30 am ; RCIA (BM) 11.00 am -12.30pm RCIA (E) 11.00 -12.30pm ; RCIA(M) : 8.45 -10.15 am

Kami mengalu-alukan paroki/pelajar daripada Universiti/Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau Emel kepada kami di : serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa (Manificat). Berdoalah setiap hari

BERITA / AKTIVITI November 2018

i) Pungutan Mingguan Paroki :

17/18 Nov. 2018 : RM9,646.75

Tuhan Memberkati Semua Penderma

ii) Jualan artikel keagamaan

- Kalender Liturgi 2019 (Eng) : RM6.00 per copy
- Diari Alkitab 2019 (Eng) : RM20.00 per copy
- SSVP Kalendar 2019 tersedia untuk dijual @ RM12
Sila Beri Sokongan!

Berdoa bagi mereka yang telah meninggal:

- Doreen Ong Bee Yong (d.o.d : 20/11/2018)
- Margaret Soares Maheson (d.o.d : 21/11/2018)

Semoga cahaya abadi bersinar ke atas mereka

Perkahwinan - Tahniah Kepada :

- Hendriraj & Ann Linda on 01 Dec 2018 @ 11.00 am
- Raymond & Lalitha on 01 Dec 2018 @ 3.30 pm

- Ulang Tahun 170 **Cornerstone "Coffee Table" Book** - RM40/- setiap buku. Buku tersedia dijual selepas misa atau dapatkan di pejabat paroki.
- Gereja mengalu-alukan derma Tunai / Cek** untuk penjagaan dan pembaikpulihan paroki. Sila alamatkan cek anda ke : **Church of Visitation** Terima Kasih atas bantuan ini.
- 08 & 09 Dis : **Jualan biskut dan makanan ringan** oleh "Flour Power" -oleh Sr. Bertha & team, sebuah projek komuniti untuk membantu kanak-kanak dan wanita yang kurang berkemampuan di Taman Prima flat kos rendah. Sokongan baik anda adalah sangat dihargai.
- Pembaptisan Bayi** bagi Disember adalah pada 25/12/18. (Hari Krismas) . Sila hantar borang dengan segera.
- Katakan TIDAK kepada "Styrofoam"**. Jangan beli apa-apa yang dibungkus/ diberikan dalam styrofoam. Marilah menjaga alam sekitar / Ciptaan Tuhan.

Terima kasih untuk animasi Misa: Pelayan Altar & Guru agama untuk minggu ini.

➤ **Tahniah** kepada kesemua (59 peserta) Komuni Suci Pertama. Semoga Tuhan Memberkati Kamu! Terima Kasih Kepada semua Guru Agama, Ibubapa & Penanggung bagi sokongan spiritual anda.

➤ **ICCF (Inter Christian Churches Fellowship)** Christmas Cheer & Fellowship 15 Dis 2018 di Min Kok Restaurant. Tiket dijual selepas Misa. Sila Beri Sokongan.

➤ **Ucapan Krismas Kepada Banduan** - Tulis ucapan krismas anda, dan hantar kad anda ke pejabat paroki pada 10 Dis (Isnin). Kad akan dihantar kepada mereka secara peribadi semasa fellowship di penjara pada 13/12/2018 (Khamis).

➤ **Prison Ministry** - Memanggil sukarelawan yang bersemangat untuk melawat para banduan dan melakukan jangkauan, sila beri nama anda di Pejabat Paroki pada 30/11/18. Buat masa sekarang Paroki mempunyai 13 sukarelawan dari Visitation. Mesyuarat dengan Fr. George pada Ahad 25 Nov @3 pm di Bible Hall.

➤ **St. Mary Kindergarten**, Jalan Lee Sam (kawasan SJK © Sino English) sekarang dibuka untuk pendaftaran. Hubungi 019 2446143 Marina. Pemberkatan dan Upacara Pembukaan 16/12/18 @ 3 pm (Ahad).

➤ **Communitarian Spirituality Experience** untuk semua ketua BEC dan ahli kumpulan (Sab) 1 Dis 2018 @ 8.30 am - 5 pm. Wajib untuk semua di BEC. Pendaftaran selepas Misa minggu ini. Semua Zon/BEC team, Ministri & EOMs perlu hadir. Kehadiran adalah wajib.

Pengurusan Pengebumian dan Penguburan:

- Hanya ahli keluarga yang diperlukan untuk menghubungi pejabat paroki.
- Pejabat Paroki akan membuat surat untuk tapak penguburan untuk dibawa ke MPS.
- Di Hujung Minggu / Cuti Umum/pejabat parole ditutup, sila hubungi ketua BEC anda atau T. Xavier (012-6800016).

• **Streets Feeding** - (Jum) 30/11/18 @ 9 pm. Memanggil semua belia untuk turut serta. Hubungi Glenn : 010 2727169

• **Lawatan Pastoral oleh Paderi-paderi ke BEC Bandar Seremban Selatan** (St. Joachim) pada Jumaat 07/12/2018 @ 8. pm

• **"Sahabat"** - Perayaanf **orang muda** sebagai satu komuniti (Konsert Belia/Praise & Worship /Workshop Formation dalam 4 bahasa). Tarikh: 8 Disember 2018 di Church of the Immaculate Conception, P.D Semua adalah dialu-alukan dengan sumbangan minimum RM10/-

Perkhidmatan Pertobatan Adven 2018

27 Nov (Sel) : 7.00 pm - St. Theresa, Nilai.

28 Nov (Rab) : 8.00 pm - Holy Redeemer, Klang

29 Nov (Kha) : 8.00 pm - St. Joseph, Sentul

30 Nov (Jum) : 8.00 pm - St. Ignatius, Petaling Jaya